

01 JUL 1996

Mustapa-Pengangkutan

EPU BANTU KAJI MASALAH SISTEM PENGANGKUTAN LEMBAH KLANG

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi mendapatkan bantuan kepakaran dalam menjalankan kajian mengenai masalah sistem pengangkutan awam negara terutamanya di Lembah Klang.

Menteri berkenaan Datuk Mustapa Mohamed berkata EPU mempunyai kepakaran dalam bidang kajian itu yang dapat membantu melengkapkan data yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan kementerian dengan kerjasama Institut Teknologi Mara sebelum ini.

"Sekarang kita hendak lihat masalah ini secara menyeluruh dan tidak menumpukan kepada sesuatu jenis pengangkutan awam tertentu seperti teksi atau bas mini sahaja," katanya selepas merasmikan majlis penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Utusan PNMB dengan Percetakan Nasional Berhad di sini.

Beliau berkata kerajaan akan mencari sistem terbaik untuk negara ini dengan memberi pertimbangan kepada masalah kesesakan di Kuala Lumpur selain masalah pajakan lesen, permintaan kenaikan tambang oleh pemandu teksi dan kerenah pemandu Malaysia sendiri, katanya.

Mustapa berkata beliau akan memberi taklimat mengenai kajian itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bagaimanapun tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Mengenai kajian penyusunan semula Mara, Mustapa berkata beliau sedang meneliti laporan kajian itu dan akan mengumumkannya setelah keputusan dibuat kelak.

Katanya penyusunan semula itu lebih cenderung kepada perubahan dalam pendekatan manakala peranan dan tugas Mara dalam melaksanakan tanggungjawabnya adalah sama, katanya. -- BERNAMA

NJ NMO